

## **USIM anjur forum khas akademik**

SEREMBAN 7 Ogos - Forum khas berteraskan akademik bagi membincangkan revolusi gerakan Ikhwan Muslimin yang berjaya mengambil alih pentadbiran negara Mesir telah dianjurkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda berkata, forum itu bertujuan mengkaji, menilai serta membincangkan isu berhubung revolusi pengambilalihan kuasa di negara Islam terutamanya Mesir.

“Saya berharap agar forum ilmiah ini akan dijadikan sebagai landasan serta persediaan kepada kita untuk menghadapi cabaran sedemikian pada masa akan datang.

“Kita juga berharap revolusi yang terjadi di negara terbabit dijadikan contoh serta iktibar untuk kita terus memperkasakan perpaduan umat Islam di negara ini,” katanya selepas mempengerusikan forum tersebut, di sini baru-baru ini.

Persidangan meja bulat yang turut dihadiri kakitangan akademik dan penuntut USIM itu hangat apabila banyak isu diajukan kepada para ahli panel mengenai gerakan Ikhwan Muslimin di Mesir dan kesannya kepada Malaysia.

Antara ahli panel yang terlibat dalam forum tersebut ialah Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Prof. Datuk Dr. Mohammad Redzuan Othman; Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Badlihissham Mohd. Nasir dan Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM, Dr. Salah Mohamed Zaki Mohamed Ibrahim.